Jurnal Syariah, 8:2 [2000] 89-102

Pengurusan Zakat: Satu Analisis Dari Perspektif al-Quran dan al-Sunnah

Ahmad Hidayat Buang

Abstract

Zakat is paid to the poor by the rich in Muslim society as a religious due. In the Prophet Muhammad's time, the collection and distribution of Zakat was managed by the Prophet himself with the help some of his agents called su'āt. The practice and method of zakat's collection and distribution in Muslim society hitherto has its high and low tide with the progress of Muslim society. At its lowest ebb zakat is considered merely as a personal religious obligation by the rich to the poor. With the rise of Islamic awareness of the Muslim society of lately, zakat appears to attract some serious discussion among scholars on its role and function in the Muslim society. One of the aspect discussed is the problem of zakat's management which is said by some quarters to be unsatisfactory from the view point of modern method of tax collection and distribution. This article however is not going to discuss the whole issue, it will only analyze some provisions from the sources of Islamic law especially the Qur'an and the Sunnah on how the collection of zakat in particular can be best managed.

Pendahuluan

Jumhur ulama yang terdiri dari Saidina 'Ālī ibn Abī Tālib, Ibn 'Umar, 'Ā'ishah, Jābir dari kalangan Sahabat, Imām Mālik, Imām Shāfi'ī, al-Thawrī, Imām Aḥmad dari imam-imam mazhab bahawa zakat itu bukanlah semata merupakan urusan

ibadat, tetapi ianya adalah satu hak yang wajib ke atas harta orang-orang kaya untuk diberikan kepada orang-orang miskin.[1] Tujuan utama zakat sepertimana yang disebut oleh banyak orang adalah untuk mengagihkan semula kekayaan di kalangan masyarakat[2] kerana kekayaan itu secara hakikinya adalah milik Allah swt.

Zakat itu bukan satu perkara yang bersifat kebajikan semata-mata sebagaimana sedekah yang diberi pada bila-bila masa dan tempat serta bergantung kepada ehsan pemberinya. Zakat adalah satu kewajipan dan al-Quran menggunakan istilah-istilah yang bersifat tanggungan seperti *infāq, 'ītā'* dan *ḥaqq* bagi kewajipan ini. Firman Allah swt yang bermaksud: *"Bagi mereka yang mempunyai harta terdapat beberapa hak yang tertentu bagi orang miskin dan memerlukan"* (al-Ma'ārij: 24-25). Firman Allah swt yang bermaksud *"Tunaikanlah hak (zakat) di hari tuaiannya"* (al-An'ām: 141). Firman Allah swt yang bermaksud: *"Sesiapa yang menyimpan emas dan perak dan tidak membelanjakannya ke jalan Allah maka khabarkan kepadanya dengan azab yang pedih"* (al-Tawbah: 34).

Zakat adalah penting kepada umat Islam kerana ia adalah ibadat yang mempunyai kaitan dengan aspek-aspek kemasyarakatan dan kemaslahatan umat Islam, terutama di dalam membantu golongan kurang berkemampuan. Imam al-Ghazzālī menyatakan bahawa zakat adalah satu bentuk ibadat yang tergabung di dalamnya unsur-unsur maslahat.[3] Jika ianya tidak diuruskan secara yang sebaiknya maka kepentingan dan hak golongan fakir miskin serta masyarakat keseluruhannya akan terjejas. Kerana faktor inilah persoalan zakat amat sensitif, di mana dikatakan kejatuhan kerajaan Bani Umayyah dahulu disebabkan kerana mereka tidak menguruskan harta-harta Bayt al-Māl (mungkin ini termasuk zakat) ini sebaik mungkin, di mana harta-harta Bayt al-Māl dibelanjakan tidak selaras dengan kehendak syarak.[4]

Hukum Membayar Zakat Kepada Pemerintah

Telah dinyatakan bahawa zakat adalah satu ibadat dan dengan demikian pada asal hukumnya adalah *mustaḥabb* seseorang itu menunaikan zakat hartanya (samada yang berbentuk zahir atau batin) kepada asnaf-asnaf yang telah ditentukan oleh al-Quran kerana itu lebih menyebabkan pembayar tersebut merasa yakin sampai kepada penerimanya.[5] Namun begitu oleh kerana zakat bukan setakat sahaja melibatkan ibadat perseorangan bahkan masyarakat Islam keseluruhannya sebagaimana yang telah disebutkan maka sesetengah ulama seperti Imām Shāfi'ī (dalam fatwa *qawl qadīm*) berpendapat bahawa wajib zakat tersebut dibayar kepada imam samada imam itu berlaku adil ataupun tidak.[6] Namun begitu para ulama berselisih pendapat dalam masalah ini dan perselisihan tersebut melihat kepada dua

aspek: (i) Bolehkah pemerintah menunaikan pengagihan zakat itu selaras dengan hukum syarak? (ii) Bentuk harta yang dibayar zakat itu.

Bagi aspek yang pertama ulama bersepakat mengatakan bahawa harus bahkan *afḍal* membuat bayaran zakat kepada pemerintah atau imam yang adil. Jika imam tersebut zalim, kebanyakan ulama berpendapat terlebih *afḍal* membuat sendiri bayaran zakat tersebut. Pendapat ini dipegang oleh al-Ḥasan, Makhūl, Sa'īd ibn Jubayr, Maymūn bin Mahrān, al-Sha'bī dan Abū Ja'far. Namun terdapat juga ulama yang menyatakan wajar zakat itu dibayar kepada pemerintah sekalipun pemerintah yang zalim sebagaimana kata 'Aṭā': "sekiranya imam tersebut zalim tetapi dia menunaikan hak-hak asnaf maka dibayar zakat kepadanya".[7] Setiap golongan mempunyai hujah-hujah mereka masing-masing daripada hadith Rasulullah. Namun di sini bukanlah tempatnya untuk kita membahaskan dalil-dalil mereka.[8]

Dalam membahaskan persoalan zakat para ulama juga melihat dari aspek bentuk harta zakat tersebut. Dalam konteks ini ulama membahagikan harta-harta zakat kepada dua menurut amalan yang dilakukan oleh saidina 'Uthmān al-'Affān iaitu harta zahir dan harta batin. Menurut Imām Mālik, Abū Ḥanīfah dan Abū 'Ubayd harta-harta zahir ini hanya boleh dibayar kepada imam sahaja. Manakala mengikut Imām Aḥmad hanya hasil-hasil tanaman yang diserahkan bayaran zakatnya kepada pemerintah. Adapun harta-harta lain baik samada zahir atau batin boleh dibayar sendiri.[9] Imām al-Nawawī berpendapat harta-harta zahir itu terdiri dari tanaman, buahan, ternakan dan galian, selain dari itu adalah harta-harta batin.[10] Alasan membezakan antara harta batin dan harta zahir, sebagaimana pandangan Ibn Humām, adalah kerana Saidina 'Uthmān merasakan keadaan sudah berubah dan tidak menyukai pemungut-pemungut zakat memeriksa harta-harta batin pembayar zakat, maka Saidina 'Uthmān memerintahkan pemilik-pemilik harta batin itu membayar sendiri zakat harta tersebut bagi pihak Imam.[11] Yūsuf al-Qaraḍāwi berpendapat bahawa perubahan ini berlaku kerana harta-harta Bayt al-Māl adalah banyak dan Saidina 'Uthmān berpendapat memadailah pungutan zakat yang dibuat oleh kerajaan terhad kepada harta-harta zahir.[12] Ini berlaku menurut Ibn Humām secara *ijma' al-Ṣahābat*. Dan didapati para ulama kemudiannya ada yang berpandangan bahawa hanya harta-harta zahir yang wajib dibayar kepada pemerintah, manakala harta batin seperti emas, perak, wang dan barang-barang perniagaan dibayar sendiri oleh pemiliknya.[13]

Memandangkan bahawa zakat pada masa sekarang adalah satu perkara yang mustahak dalam konteks masyarakat Islam maka pendapat yang mengatakan bahawa zakat wajib dibayar kepada pemerintah itu wajar diikuti. Pendapat ini dapat diperkuatkan oleh nas-nas syarak dan contoh-contoh amalan sahabat serta pendapat-pendapat ulama muktabar.

(1) al-Quran

Firman Allah swt yang bermaksud: *"Ambillah dari harta-harta mereka itu zakat sebagai pembersih dan penyuci dengannya"* (al-Tawbah: 103). Para ulama berhujah bahawa ayat ini adalah dalil bahawa zakat itu wajib dibayar kepada pemerintah. Pada masa Saidina Abū Bakr terdapat golongan yang berhujah bahawa ayat tersebut khas kepada Rasulullah saw sahaja. Namun begitu pendapat ini ditolak oleh Saidina Abū Bakr yang berkata: "Jika mereka enggan membayar walaupun seekor kambing yang pernah mereka berikan kepada Rasulullah, nescaya akan aku perangi mereka itu".[14] Ijtihad Saidina Abū Bakr ini sekaligus menunjukkan bahawa harta-harta zakat itu wajib diserahkan kepada pemerintah.

(2) al-Sunnah

Terdapat banyak hadith dan amalan Rasulullah saw sendiri yang mengirim pemungut-pemungut zakat (*al-su'āt*) ke serata pelusuk semenanjung Arab bagi tujuan memungut zakat.[15] Ini dengan sendirinya menunjukkan bahawa zakat itu perlu diberikan kepada pemerintah. Di sini diperturunkan sebuah ḥadīth riwayat 'Abdullah ibn 'Abbās yang bermaksud: "Semasa Rasulullah saw mengutuskan Mu'ādh bin Jabal ke Yaman baginda berpesan kepadanya: Bahawa akan datang kepada kamu satu kaum dari ahli kitab, apabila mereka itu datang kepada kamu maka serulah mereka untuk menyaksikan bahawa tiada Tuhan melainkan Allāh dan Muḥammad itu pesuruh Allāh. Apabila mereka mentaati seruan itu maka khabarkanlah kepada mereka bahawa Allāh swt telah memfardukan kepada mereka sembahyang lima waktu siang dan malam. Jika sekiranya mereka mentaati perintah itu maka khabarkanlah kepada mereka bahawa Allāh swt telah memfardukan kepada mereka sedekah (yakni zakat) yang diambil dari kalangan mereka yang kaya dan diberikan kepada kalangan mereka yang miskin..." Ḥadīth riwayat Muttafaq 'Alayh.[16]

Para ulama berpendapat bahawa ḥadīth di atas menunjukkan bahawa urusan pungutan zakat itu adalah terletak di bawah tanggungjawab pemerintah.[17] Ibn Mundhir mendakwa telah berlaku ijmā' ahli ilmu bahawa zakat itu diserahkan kepada Rasulullah dan kepada wakil-wakil dan para 'āmil Baginda serta kepada sesiapa yang Baginda perintahkan pembayarannya.

(3) Amalan Sahabat

Jelas kepada kita bahawa amalan membayar zakat kepada pemerintah ini diteruskan oleh para sahabat Rasulullah saw, terutama di zaman Khalifah al-Rashidun

sebagaimana yang disebut dalam buku-buku sejarah. Ibn Sīrīn berkata : Zakat itu dibayar kepada Nabi saw atau kepada sesiapa yang Baginda perintahkan pembayarannya, hal yang serupa juga berlaku pada masa Khalifah Abū Bakr, Khalifah 'Umar dan Khalifah 'Uthmān. Apabila Khalifah 'Uthmān dibunuh maka terdapat perselisihan apakah perlu dibayar kepada pemerintah atau tidak. Ada yang membayar kepada pemerintah dan ada yang mengagihkannya sendiri kepada asnaf. Dan antara sahabat yang membayar kepada pemerintah selepas pembunuhan 'Uthmān ialah Ibn 'Umar".[18]

Pembayaran kepada pemerintah masih dibuat oleh para Sahabat sehinggalah di zaman pemerintah Bani Umayyah. Diceritakan dari Suhayl bin Ṣāliḥ dari bapanya yang bertanya kepada beberapa orang sahabat seperti Sa'd bin Abī Waqqāṣ, Abū Hurayrah, Abū Sa'īd al-Khudrī dan Ibn 'Umar apakah boleh zakat dibayar kepada pemerintah yang melakukan kezaliman, maka kesemua sahabat itu menjawab bayarlah kepada pemerintah itu kendatipun apa yang telah diperbuatnya.[19]

(4) Fatwa-fatwa Ulama

Jumhur ulama sahabat dan tabi'in seperti Sa'd bin Abī Waqqāṣ, Ibn 'Umar, Abū Sa'īd al-Khudrī, Abū Hurayrah, 'Ā'ishah, al-Ḥasan al-Baṣrī, al-Sha'bi, Muḥammad ibn 'Alī, Sa'īd bin Jubayr, al-Awza'ī dan lain-lain berpendapat bahawa zakat perlu dibayar kepada pemerintah.[20] Imām al-Rāfi'ī meriwayatkan daripada ulama-ulama mazhab Shāfi'ī menyatakan bahawa jika Imam memerintah supaya zakat daripada harta-harta zahir dibayar kepadanya maka menjadi satu kewajipan untuk menunaikannya tanpa khilaf lagi kerana itu merupakan tanda ketaatan. Jika pembayar tersebut engkar maka boleh diperangi sekalipun mereka membayar dengan sendiri kerana keengganan mereka terhadap perintah Imam itu merupakan satu perbuatan melampau (yang perlu dihukum).[21] Dalam hubungan ini al-Kahlānī menyatakan bahawa ḥadīth Ibn 'Abbās yang menceritakan peristiwa pengutusan Mu'ādh bin Jabal ke Yaman adalah dalil bahawa Imam yang bertanggungjawab memungut zakat dan mengagihkannya samada oleh pemerintah sendiri atau wakilnya. Sekiranya terdapat bantahan maka Imam boleh mengambil zakat harta tersebut secara paksa.[22]

Imām al-Shīrāzī semasa mengulas mengapa zakat perlu dibayar kepada pemerintah menerangkan sebagai: "menjadi kewajipan ke atas Imam mengutus pemungut-pemungut zakat (*su'āt*) bagi tujuan pungutan zakat, kerana Nabi saw pernah berbuat demikian, begitu juga para sahabat-sahabat Baginda selepas itu. Ini adalah kerana terdapat sebahagian daripada manusia yang mempunyai harta tetapi tidak mengetahui apa yang wajib dari harta mereka itu, begitu juga terdapat di

kalangan mereka yang enggan mengeluarkan zakat kerana bakhil. Kerana itulah wajib ke atas Imam melantik mereka yang memungut zakat tersebut".[23]

Manakala sebahagian dari ulama Tabi'īn seperti al-Sha'bī dan al-Thawrī berpendapat zakat perlu diberikan kepada Imam demi untuk menjaga maslahat asnaf penerima zakat. Kata mereka: "zakat perlu dibayar kepada Imam kerana Imam lebih mengetahui mengenai kedudukan asnaf (oleh itu boleh mengagihkannya dengan lebih baik dari orang perseorangan). Tambahan pula sekiranya seseorang itu membayar kepada Imam maka tanggungjawabnya akan lepas. Tidak sebagaimana jika ia membayar sendiri di mana kemungkinan penerima zakat tersebut bukan dari golongan yang layak. Oleh itu membayar zakat kepada Imam boleh mengelakkan khilaf dan tohmah".[24]

Mengenai perbezaan di antara harta zahir dan batin, Yūsuf al-Qaraḍāwī berpendapat perkara tersebut sudah tidak lagi relevan pada masa sekarang dan zakat dalam segala bentuk harta wajib dibayar kepada pemerintah. Apa yang dibuat Saidina 'Uthmān bukanlah menunjukkan zakat harta batin itu tidak perlu dibayar kepada Imam. Saidina 'Uthmān hanya meminta masyarakat Islam membayar zakat harta tersebut sebagai wakil bagi pihak pemerintah. Ini bererti hak perwakilan tersebut boleh ditarik balik apabila situasi menghendaki yang sedemikian itu.[25] Sheikh 'Abd al-Wahhāb al-Khallāf, Sheikh 'Abd al-Raḥmān Ḥasan dan Sheikh Muḥammad Abū Zahrah dalam syarahan mereka di Damsyik pada tahun 1952 berpendapat bahawa telah jelas pada masa sekarang bahawa pemerintah menguruskan pengumpulan harta-harta zakat baik samada yang zahir atau yang batin kerana dua sebab:[26]

i. Banyak orang Islam telah mengabaikan kewajipan membayar zakat baik yang berbentuk zahir dan batin. Oleh itu hak perwakilan yang diberikan oleh Saidina 'Uthmān tidak berlaku lagi oleh kerana penyelewengan ini. Telah diputuskan oleh ulama bahawa jika pemerintah mengetahui bahawa zakat tidak ditunaikan maka pemerintah boleh mengambilnya secara paksa pada semua bentuk harta baik zahir mahupun batin.

ii. Kesemua bentuk harta pada sekarang sudah hampir menjadi zahir kerana mudah untuk dihitung dan diperiksa.

Asas-asas Pengurusan Zakat

Berikut adalah beberapa panduan yang yang dipetik baik samada daripada al-Quran mahupun hadith serta fatwa ulama-ulama bagaimana sesuatu urusan zakat itu perlu ditadbirkan.

(1) Berlaku keadilan dalam pungutan zakat

Prinsip keadilan adalah sesuatu yang universal dan Islam amat mementingkannya. Ini adalah kerana ibadat zakat melibatkan harta individu, sedangkan pegangan harta seseorang individu Muslim itu adalah sesuatu yang suci dan tidak boleh dicerebohi melainkan melalui cara-cara yang ditentukan oleh Syarak seperti akad, hak dan sebagainya. Dalam konteks zakat ianya telah ditentukan oleh Syarak sebagai kewajipan atau kefarduan yang mesti ditunaikan oleh setiap individu Muslim yang mencukupi syarat-syaratnya. Dalam hubungan ini Saidina 'Umar pernah berkata: "dipungut zakat itu melalui cara-cara yang sah, dibelanjakan kepada tujuan-tujuan yang sah dan mengelakkan dari berlakunya penyelewengan". Hadith riwayat Anas bin Mālik bermaksud: "Orang yang melampau dalam menguruskan zakat seperti yang orang yang enggan terhadap kewajipan zakat" (riwayat al-Tirmidhī).[27] Dalam mengulas hadith ini Ibn 'Arabī berkata: "Sedekah (atau zakat) itu melibatkan pemungut dan pembayar. Kepada pemungut beberapa tugas dan had-had yang telah ditentukan. Begitu juga kepada pembayar. Sesiapa yang memungut tidak melalui cara yang sah sama seperti orang yang enggan membayar zakat".[28] Dalam hubungan ini al-'Aynī berkata: "Jauhilah oleh kamu (wahai mereka yang menguruskan zakat) kezaliman supaya kamu tidak didoakan oleh orang-orang yang dizalimi (*maẓlūm*)"[29], kerana doa yang dizalimi itu amat mustajab".

(2) Memudahkan Pungutan Zakat

Pihak pengurusan zakat hendaklah memudahkan proses pembayaran zakat itu. Ini melibatkan tempat dan kaedah pembayaran. Begitu juga kaedah-kaedah pengiraan dan bentuk-bentuk harta yang dipungut kesemuanya hendaklah mementingkan keselesaan pembayar. Ibn 'Umar meriwayatkan sebuah hadith yang bermaksud: "Sedekah (zakat) itu diambil di tempat harta itu berada" (riwayat Aḥmad).[30] Manakala di dalam suatu hadith yang lain pula diriwayatkan sebagai: "Harta-harta zakat itu tidak dibawa dan pemungut zakat itu tidak berada jauh dari harta itu dan tidak boleh mengambil harta itu melainkan di tempatnya" (riwayat Aḥmad dan Abū Dāwūd).[31] Dalam mengulas kedua-dua hadith ini al-Shawkānī berkata: "Hadith tersebut adalah satu dalil bahawa pemungut zakat itu yang perlu datang ke tempat pembayar zakat dan memungutnya di tempat harta itu kerana ini menyenangkan pembayar zakat".[32]

(3) Jumlah dan Kaedah Bayaran Hendaklah Jelas dan Tepat

Begitu juga kaedah pembayaran sedekah itu hendaklah jelas dan tepat. Dalam konteks ini jika kita melihat amalan Khalifah al-Rashidun mereka telah memberikan

arahan-arahan secara bertulis kepada pemungut-pemungut zakat yang dilantik.[33] Oleh kerana bentuk arahan bertulis bukanlah sesuatu yang biasa dilakukan pada masa itu, ini menunjukkan bahawa khalifah-khalifah ingin memastikan bahawa kaedah pengiraan zakat itu tepat dan mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

(4) Harta Yang Dipungut Bukan Dari Harta Yang Paling Disukai

Semasa pungutan, harta-harta yang dipungut itu janganlah dari harta yang disukai oleh pemilik atau pemilik merasa berat untuk memberinya. Harta yang hendak diambil itu seharusnya dari nilai yang pertengahan. Hadith menerangkan masalah ini riwayat dari Ibn 'Abbās yang berbunyi "Berhati-hatilah daripada mengambil harta-harta yang mereka sukai" (riwayat al-Muttafaq 'Alayh). Dalam hubungan ini al-Sā'ātī berkata: "Zakat itu sesungguhnya diambil dari nilai pertengahan harta seseorang itu, tidak dari yang terbaik dan tidak dari yang terburuk".[34]

(5) Pihak Pengurusan Zakat Berilmu dan Berkelayakan

Mengikut Imām al-Māwardī, amil zakat itu mempunyai dua peringkat kuasa iaitu - *Sulṭah al-Tafwīḍ* (*delegated authority*) dan *Sulṭah al-Tanfīdh* (*administrative authority*). Sekiranya amil mempunyai kuasa *al-Tafwīḍ* maka ia semestinya mempunyai kelayakan untuk berijtihad dalam masalah-masalah khilaf.[35] Imam al-Shīrāzī menegaskan: "Amil itu tidak dilantik melainkan mereka yang faham (hukum-hukum fiqh) atau *faqīh* kerana amatlah perlu seseorang amil itu mengetahui apa perlu atau boleh dipungut dan apa yang tidak boleh dipungut. Pengetahuan ini berhajat kepada seseorang yang mempunyai kebolehan untuk berijtihad jika sekiranya dibentangkan kepadanya masalah-masalah zakat yang memerlukan jawapan hukum".[36] Perkara yang sama juga disebutkan oleh Abū Yūsuf dengan katanya: "hendaklah orang yang menguruskan zakat itu seorang yang *faqīh,* alim dan mengamalkan dasar syura dengan mereka yang mempunyai kebijaksanaan (*ahl al-ra'y*)". Saranan supaya mengadakan perbincangan dengan *ahl al-ra'y* ini mungkin bermaksud golongan profesional yang lain seperti akauntan, ahli ekonomi dan seumpamanya dalam konteks masa sekarang perlu juga dilibatkan dalam pengurusan zakat.

Keperluan kepada ijtihad ini penting kerana masalah-masalah zakat kebanyakannya berbentuk *ijtihādī*. Contoh-contoh dari amalan para sahabat menunjukkan bahawa beberapa bentuk harta yang baru telah dijadikan harta-harta yang dikenakan zakat melalui ijtihad, seperti zakat kuda pada zaman Saidina 'Umar dan pengenalan konsep *māl al-ẓāhir* pada masa Saidina 'Uthmān serta banyak lagi.[37]

(6) Terdapatnya Badan Yang Mengawasi Pengurusan Zakat

Perkara ini boleh dilakukan baik secara sukarela melalui penubuhan badan pengawas atau diawasi sendiri oleh pihak berkuasa. Pengawasan ini boleh meliputi semua perkara yang berkaitan dengan pengurusan zakat tetapi keutamaan diberi kepada pungutan dan pengagihan. Sebuah hadith dari Abū Ḥumayd al-Sā'idī berkata: Rasulullah telah melantik seorang lelaki dari Banī al-Asad sebagai pemungut zakat Banī Sulaym yang bernama Ibn Lutbiyyah. Apabila lelaki ini selesai menjalankan tugasnya, Baginda memeriksa jumlah pungutannya (riwayat al-Bukharī). Berdasarkan kepada hadith ini para ulama berpendapat bahawa amil itu hendaklah dibayar setimpal dengan pekerjaannya. Berkata al-'Aynī semasa mengulas hadith di atas: "Ulama telah bersepakat mengatakan bahawa amil itu ditugaskan memungut zakat dan mereka tidak berhak ke atas harta yang dipungut itu samada sepertujuh atau seperlapan bahkan baginya upah yang setimpal dengannya mengikut ijtihad Imam. Berkata Ibn Baṭal: Hadith di atas menunjukkan sesiapa yang bertugas bagi tujuan kepentingan Muslimin maka diberikan bayaran atas pekerjaan itu".[38]

(7) Mempercepatkan Agihan

Ini adalah satu dasar yang penting kerana ini berkait rapat dengan kepentingan golongan penerima zakat terutamanya fakir miskin. Diriwayatkan daripada 'Uqbah bin al-Ḥarīth bahawa Nabi saw bersembahyang asar dan selepas itu beliau segera kembali ke rumah dan keluar semula dengan segera. Nabi bersabda: "Aku meninggalkan di rumahku sebahagian daripada sedekah dan aku tidak mahu sedekah tersebut berada semalaman di rumahku" (riwayat al-Bukharī). al-Shawkānī mengulas hadith ini sebagai dalil supaya disegerakan pengagihan zakat itu. Berkata Ibn Baṭal bahawa setiap perkara kebajikan itu disegerakan kerana sekiranya perkara itu rosak ia boleh menghalang kebajikan tadi, sedangkan tidak siapapun boleh mengagak kejadian tersebut dan kematian itu sesuatu yang tidak dapat dijangka".[39]

(8) Kewajipan 'Amil Menjalankan Tugas Dengan Tegas dan Pembayar Menjelaskan Zakat

Perlu ditegaskan di sini 'amil menjalankan tugas memungut zakat bukan dalam bentuk sukarela atau kebajikan. Punca kuasa 'amil adalah dari pemerintah yang memberi amanah kepadanya supaya memungut zakat bagi pihaknya. Oleh itu menjadi tanggungjawab 'amil memastikan semua individu Muslim yang cukup syarat-syarat wajib zakat membayar zakat. Jika sekiranya seseorang itu enggan

membayar zakat kepada pemerintah selepas ianya disuruh berbuat demikian melalui peruntukan undang-undang maka pihak pengurusan berhak merampas harta individu tadi dan boleh juga menggenakan denda. Riwayat daripada Ibn Ḥākim dari bapanya dari datuknya berkata: Bersabda Rasulullah saw: "Sesiapa yang enggan untuk membayar zakat maka aku akan mengambilnya dan sebahagian dari hartanya sebagai tanda kebesaran agama Islam" (riwayat Aḥmad, Abū Dāwūd dan Nasā'ī). Al-Kahlānī mengulas hadith ini sebagai dalil bahawa pemerintah boleh mengambil zakat harta seseorang itu secara paksa dan boleh dikenakan denda jika engkar.[40]

Begitu juga amil boleh memeriksa akaun pembayar zakat kerana pemilik harta dilarang oleh Syarak dari menyembunyikan jumlah simpanan hartanya. Riwayat Bashīr bin al-Khasāṣiyyah berkata: "Bahawa 'amil yang memungut zakat itu menyakiti kami, apakah boleh kami menyembunyikan harta-harta kami sekadar kejahatan yang 'amil lakukan?". Jawab Baginda saw: "Jangan berbuat demikian" (riwayat Abū Dāwūd). Menurut Ibn Mālik, hadith di atas menunjukkan bahawa menyembunyikan harta tidak dibenarkan kerana itu adalah perbuatan khianat dan mungkar. Jika ia dibenarkan kemungkinan akan menyebabkan harta tersebut tersembunyi dari pengetahuan 'amil yang adil.[41]

(9) Menggalakkan Muslim Membayar Zakat Melalui Nasihat dan Kempen

Amalan ini memang telah dilakukan oleh Rasulullah saw. Diriwayatkan daripada 'Uthmān bin al-'Affān bahawa Rasulullah saw bersabda yang ertinya: "Ini adalah bulan zakat (bulan Muḥarram) sesiapa yang mempunyai hutang tunaikanlah hutang tersebut kemudian jika ada baki maka tunaikanlah zakat". Begitu juga diceritakan Baginda saw menggalakkan wanita pada ketika sembahyang sunat hari raya supaya membayar zakat, wanita-wanita itu selepas mendengar anjuran Baginda memberikan barang-barang perhiasan mereka sebagai zakat.[42]

Penutup

Sebenarnya membayar zakat kepada pemerintah adalah satu kewajipan syarak mengikut pandangan jumhur ulama. Ibn 'Umar sebagai contoh terus membayar zakatnya kepada pemerintah walaupun Khalifah pada masa itu sudah lagi tidak berlaku adil.[43] Jika sesiapa yang hendak mencemuh, maka tidak ada orang lain yang paling layak untuk mencemuh cara pengurusan zakat melainkan Ibn 'Umar. Begitu juga terdapat beberapa hadith yang memerintah supaya zakat dibayar kepada 'amil sungguhpun 'amil tersebut melakukan kezaliman semasa memungut zakat tersebut

sebagaimana yang diterangkan di dalam hadith riwayat Bashīr bin al-Khasāṣiyyah di atas. Ini adalah kerana tanggungjawab pembayar zakat sudah selesai dengan pembayaran zakat tersebut dan ia tidak lagi akan dipersoalkan akan tangggung jawabnya. Konsep ini sama sahaja dengan pungutan cukai di mana tugas rakyat selesai dengan pembayaran cukai tersebut. Di Malaysia pengurusan zakat terutama yang melibatkan kutipan dan perbelanjaan sering dipersoalkan oleh masyarakat Islam. Keadaan ini timbul kerana masyarakat Islam menganggap bayaran zakat sebagai satu pemberian yang berunsur kebajikan yang mana mereka merasakan berhak untuk mengetahui ke manakah perginya sumbangan mereka. Ini ditambah lagi dengan sikap prejudis masyarakat terhadap Jabatan Agama yang mereka anggap tidak mempunyai tahap profesionalisme yang sewajarnya bagi menguruskan hasil-hasil zakat sebaik mungkin.[44]

Namun ini tidak memberi erti bahawa pihak pentadbir zakat boleh berbuat sesuka hati di dalam urusan kutipan dan agihan zakat kerana mereka juga mempunyai tanggungjawab yang lebih besar dari pembayar zakat iaitu untuk mengagihkan zakat tersebut kepada mereka yang layak. Ini adalah kerana mengikut teori percukaian Islam, hasil zakat bukanlah milik Bayt al-Māl yang boleh diperbuat sesuka hati, tetapi ia adalah milik asnaf-asnaf yang telah ditentukan oleh Syarak. Bayt al-Māl hanyalah sebagai orang tengah di antara pembayar dan asnaf-asnaf tadi. Syarak tidak membenarkan sebarang ijtihad digunakan untuk membelanjakan hasil zakat sebagaimana yang dibolehkan kepada sumber-sumber am yang lain.[45] Dengan perkataan yang lain, kedua-dua pihak iaitu pembayar dan pengurus zakat mempunyai tanggungjawab masing-masing. Apapun Islam adalah agama yang menyeru supaya nasihat dan menasihati dan berpesan-pesan kepada kebaikan dan kebenaran. Maka jika berlaku sebarang kelemahan dalam pengurusan zakat maka menjadi tanggungjawab semua untuk memperbaikinya.

Nota Hujung

1. Ibn Rushd, *Bidāyat al-Mujtahid*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1988, vol. i, h. 245.
2. Lihat sebagai contoh M.N. Siddiqui, *Some Aspects of the Islamic Economy*, Lahore: Islamic Publications Ltd, 1978 (edisi ke 2), h. 124.
3. Dipetik dari al-Ghazālli, *The Mysteries of Almsgiving: A Translation From Arabic With Notes of the Kitāb Asrār al-Zakāh of Ghazalli's Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, translated by Nabih Amin Faris, Beirut: American University of Beirut, 1966, hh. 19-21.
4. S.M. Hasanuz Zaman, *Economic Functions of an Islamic State (The Early Experience)*, Leicester: The Islamic Foundation, 1991, h. 140.
5. Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994, vol. ii, 403.
6. Imām al-Nawawī, *al-Majmū' Sharḥ al-Muhadhdhab*, Dār Iḥyā' al-Turath al-'Arabī, 1995, vol. vi, h. 138.
7. Ibn Qudāmah, *op.cit.* vol. ii, h. 403.
8. Untuk perbincangan lanjut lihat Imām al-Nawawī, *op.cit.*, hh.138ff. Untuk nas-nas daripada al-Sunnah dan fatwa-fatwa Sahabat lihat Abu 'Ubayd, *Kitab al-Amwāl*, Kaherah: Dār al-Shurūq, 1979, hh. 975-983.
9. Ibn Qudāmah, *op.cit.*, vol. ii, h. 403.
10. Imām al-Nawawī, *op.cit.* vol. vi, h. 138.
11. Ibn Humām, *Fatḥ al-Qadīr*, Mesir, t.t., 1:487 (dipetik dari Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāt*, Beirut, 1981, vol. ii, h. 767).
12. Yūsuf al-Qaradāwī, *op.cit.*, vol. ii, h. 772.
13. Untuk perbincangan lanjut lihat Muḥammad 'Uqlah, *Aḥkām al-Zakāt wa al-Ṣadaqah*, Jordan: Maktabah al-Risālah al-Ḥadīthah, 1982, hh. 189-192.
14. Muḥammad 'Alī al-Sābūnī (ed.), *Mukhtaṣar Tafsīr Ibn Kathīr*, Beirut: Dār al-Qur'ān al-Karīm, 1399, vol. ii, h. 167.
15. Lihat S.M. Hasanuz Zaman, *op.cit.*, hh. 168-70.
16. Dipetik dari Ibn Daqīq al-'Īd, *Iḥkām al-Aḥkām: Sharḥ 'Umdah al-Aḥkām*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t., vol. ii, h. 182.

17. Lihat sebagai contoh *Ibid.*; Mahmūd al-'Aynī, *'Umdah al-Qarī'*, Kaherah: Sharikah wa Maktabah al-Bābī al-Ḥalabī, t.t., h. vii: 164; Muḥammad bin Isma'īl al-Kahlānī, *Subul al-Salām*, Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 1971, vol. ii, h. 120 dan al-Shawkānī, *Nayl al-Awṭār*, Kaherah: Dār al-Ḥadīth, t.t., vol. ii, h. 115.
18. Abū 'Ubayd, *op.cit.*, h. 675.
19. *Ibid.*, h. 676.
20. al-'Aynī, *op.cit.*, vol. vii, h. 164.
21. al-Nawawī, *op.cit.*, vol. vi, h. 139.
22. al-Kahlānī, *op.cit.*, vol. ii, h. 120.
23. al-Nawawī, *op.cit.*, vol. vi, h. 140.
24. Ibn Qudāmah, *op.cit.*, vol. ii, h. 403.
25. Lihat Yūsuf al-Qaraḍāwī, *op.cit.*, vol. ii, hh. 766-773
26. Dipetik dari *ibid.*, vol. ii, h. 773-4.
27. Dipetik dari Ibn 'Arabī, *'Āriḍah al-Ahwadhī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī*, Kaherah: Dār al-'Ilm li al-Jami', 1960, vol. iii, h. 145.
28. *Ibid.*, vol. iii, h. 145-6.
29. al-'Aynī, *op.cit.*, vol. vii, h. 164.
30. Dipetik dari al-Shawkānī, *op.cit.*, vol. iv, h. 156.
31. *Ibid.*
32. *Ibid.*
33. Lihat al-Shawkānī, *op.cit*, vol. iii, hh. 123-125.
34. al-Sā'ātī, *Fatḥ Rabbānī*, Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, t.t., vol. viii, 233.
35. al-Māwardī, *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah*, Beirut: Dār al-Fikr, 1980, h. 148-9.
36. Dipetik dari al-Nawawī, *op.cit.*, vol. vi, h. 140.
37. Lihat S.M. Hasanuz Zaman, *op.cit.*, hh. 183-4.
38. al-'Aynī, *op.cit.*, 7:367; lihat juga S.M. Hasanuz Zaman, *op.cit.*, 191.
39. al-Shawkānī, *op.cit.*, vol. iv, h. 149.
40. Namun Imām al-Shāfi'ī berpandangan hadith ini bukan hujah kerana terdapat kelemahan di dalam perawinya. Lihat al-Kahlānī, *op.cit.*, h. 127.

41. 'Āli bin Sulṭān al-Qāri', *Sharḥ Mishkāt al-Maṣābīḥ*, Kaherah: al-Maktabah al-Islāmiyyah, 1960, vol. ii, h. 420.

42. Hadith riwayat al-Bukhārī dipetik dari al-'Aynī, *op.cit.*, vol. vii, h. 233.

43. Abū 'Ubayd, *op.cit.*, h. 675.

44. Untuk perbincangan lanjut lihat artikel saya bertajuk "Kutipan dan Agihan Zakat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Bagi Tempoh 1985-1995: Satu Pemerhatian", *Jurnal Syariah*, Jilid 7, Bilangan 2, Julai 1999, hh. 142-3.

45. al-Māwardī, *op.cit.*, hh. 266-7.